

22 DEC 1996

MAHATHIR KEMBALI SELEPAS LAWATAN KE INDIA

KUALA LUMPUR, 22 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selamat kembali ke tanah air selepas lawatan rasmi empat hari ke India.

Dr Mahathir, yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, disambut para pegawai kanan Wisma Putra di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

Semasa lawatannya ke New Delhi, Dr Mahathir menerima Anugerah Jawaharlal Nehru Bagi Persefahaman Antarabangsa, yang diwujudkan sempena memperingati Perdana Menteri pertama India, daripada Presiden India Dr Shanker Dayal Sharma.

Perdana Menteri turut mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya, H.D.Deve Gowda.

Beliau juga bercakap pada sesi dialog dengan Persekutuan Industri India dan merasmikan siri syarahan Asean-India.

Dr Mahathir juga menyaksikan majlis menandatangani empat perjanjian antara syarikat Malaysia dan India untuk bekerjasama dalam penjana tenaga, infrastruktur dan projek pembangunan perisian.

Rombongan Perdana Menteri termasuk Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding, Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad dan tokoh-tokoh industri Malaysia.

-- BERNAMA

ES SN AHH